

# Program 'Shine And Get Hired' bantu graduan dalam persediaan di alam pekerjaan

48 28.3.2019 B2

KOTA KINABALU : Majlis Perwakilan Pelajar, MPP Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan Karnival Mahasiswa dan Kerjaya yang bertemakan 'Shine And Get Hired' dengan kerjasama Pusat Kerjaya dan Alumni (PKA) UMS, pada Rabu lalu bertempat di Auditorium Perpustakaan, UMS.

Kursus itu menampilkan tiga orang penceramah iaitu Timbalan Pengarah (Industri) Pusat Jaringan Industri Dr Chin Pei Yee, Pegawai Psikologi Nurul Fatiha Firdaus Binti Roslan, Penolong Pegawai Kanan Abdul Haidy Abdul Hamid dengan tajuk masing-masing iaitu Penyediaan

Resume, Ketrampilan Diri : Rahsia Sukses Temuduga dan Isu Semasa Graduate Employability (GE).

Objektif program Bengkel Resume dan Etika Temuduga ini dijalankan adalah memberi pendedahan kepada mahasiswa mengenai persediaan sebelum bergraduasi dan sebelum menempuh alam pekerjaan. Selain itu, program ini juga dilaksanakan bagi membantu mahasiswa/ida dalam mempersiapkan diri untuk alam pekerjaan.

Seramai 100 orang peserta di kalangan siswa/siswi UMS menyertai kursus ini. Kursus ini mendapat sambutan yang

sangat memberangsangkan daripada para peserta dan diharapkan Karnival Kerjaya seumpama ini dapat diadakan lagi pada masa akan datang.

Turut hadir Pensyarah Psikologi dan Pendidikan Sobribin Ismail serta Pegawai Jobs Malaysia UTC Kota Kinabalu selaku panel forum Hamidah Momong.

Timbalan Naib Canselor (HEPA), Prof. Dr. Ismail Ali berkata karnival kerjaya ini sangat bermanfaat kepada para pelajar UMS terutama yang bakal graduan agar mereka mengetahui persediaan alam pekerjaan dan peka dengan kehendak pasaran graduan bila tamat belajar kelak.



MPP bersama peserta program karnival kerjaya yang hadir.